

# ISTIADAT KEMAHKOTAAN SULTAN JOHOR



### TABIK HORMAT DIRAJA

SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah menerima tabik hormat daripada perbarisan kehormat Askar Timbalan Setia Negeri Johor ketika berangkat meninggalkan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor di Istana Besar, Johor Bahru, semalam. - BERNAMA



### BERANGKAT PULANG

KERETA Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bersama Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah berangkat pulang selepas Istiadat Kemahkotaan dari Istana Besar itu menuju ke Istana Bukit Serene, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM



### PUTERA DIRAJA

TUNKU BENDAHARA TUNKU ABDUL MAJID IDRIS SULTAN ISKANDAR (kir) bersama lima putera Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah iaitu (dua dari kiri) Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail, Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris, Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil dalam Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor di Istana Besar, Johor Bahru, semalam. - BERNAMA



### ORANG ASLI MERIAHKAN PERARAKAN DIRAJA

MASYARAKAT Orang Asli daripada suku kaum Seletar Laut turut memeriahkan Perarakan Diraja sempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang melaku di Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/AMIN FARLI HASAN



### BACA UTUSAN MALAYSIA SEMPENA KEMAHKOTAAN

OTHMAN HAMID (kir) bersama keluarganya membaca akhbar Utusan Malaysia yang menyiaran berita mengenai Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Jalan Skudal, Dataran Bandaraya Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/



### RAKYAT BERDOA

PENDUDUK, Mohd. Salihudin Rasul (kanan) dan isterinya, Fadillah Mokhtar (dua dari kanan) bersama anak-anak menadah tangan ketika bacaan doa semasa mengikuti siaran langsung Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Muzium Yayasan Akhbar, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/ISHAK RAHIM